

Rakyat tidak dibeban dengan cukai tinggi

BH 19 OCT 2000

PETALING JAYA, Rabu – Kerajaan tidak akan membebaskan rakyat biasa dengan cukai yang tinggi kerana mahu mereka hidup sejahtera dan memperoleh pendapatan untuk mengharungi kehidupan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sebaliknya kerajaan memungut cukai daripada orang kaya dan peniaga melalui keuntungan yang mereka peroleh sebagai sebahagian daripada hasil kerajaan untuk diagihkan semula kepada rakyat dalam pelbagai bentuk seperti projek kemudahan.

“Kerajaan tak utamakan cukai untuknya. Kita utamakan rakyat supaya rakyat dapat kerja dan memperoleh pendapatan yang baik. Ini niat kita dan janji kerajaan Barisan Nasional (BN).

“Ini tidak bermakna kita tidak kutip hasil (cukai)

kerana jika tidak bagaimana kerajaan membayar gaji kakitangannya serta anggota tentera yang jaga keamanan. Yang bayar hasil (cukai) ini ialah peniaga yang dapat untung banyak.

“Duit itu tidak dipungut pun daripada pekerja kilang tetapi daripada orang kaya supaya kita dapat membiayai kehidupan orang miskin,” katanya berucap di hadapan kira-kira 5,000 orang di pentas malam mesra warga industri di sini malam ini.

Majlis itu adalah sempena perasmian Pusat Khidmat Biro Tindakan Sivil Umno, iaitu projek pertama Biro Tindakan Sivil Umno yang dipengerusikan oleh ahli Majlis Tertinggi Umno, Azalina Othman Said.

Terdahulu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berucap merasmikan pusat itu di tingkat 3, Pusat

Penjaja Sukom, Sungei Way sebelum turun ke kawasan terbuka di luar bangunan itu. Persembahan kebudayaan turut menyerikan majlis.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga tidak ada niat untuk memaksa pelabur asing membayar cukai yang tinggi kerana mahu menarik lebih ramai datang melabur, seperti membuka kilang dan industri di negara ini.

Katanya, dengan memperbanyakkan industri, hasil daripada pelaburan itu juga akan membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Beliau berkata, keamanan perindustrian di negara ini turut memikat pelabur asing kerana pekerja tempatan tidak menimbulkan masalah yang boleh dirundingkan secara baik dengan majikan.

“Tidak timbul huru-hara atau keganasan di negara

kita. Jika ini berlaku, pelabur asing yang baru tidak mahu masuk dan generasi baru pula sukar mendapat pekerjaan dalam sektor perindustrian.

“Sebab itu, peluang pekerjaan terbuka luas di negara kita sehingga menarik ramai pekerja asing. Jumlah mereka yang tidak mempunyai pekerjaan cuma tiga peratus,” katanya.

Kini katanya, Malaysia diiktiraf oleh negara asing sebagai sebuah negara maju sehingga mampu mengeluarkan barangan elektronik selain mengeluarkan kereta Proton.

Malah kata beliau, Malaysia sudah berupaya mengeluarkan sayap kapal terbang dan berhasrat untuk mengeluarkan kapal terbang sendiri suatu hari nanti berdasarkan keupayaan rakyatnya melalui konsep ‘Malaysia boleh’.